



چهابت داعیہ سیتو،  
فرمایسوری، ترکانو.  
**PEJABAT DAERAH SETIU,**  
22100 BANDAR PERMAISURI,  
SETIU, TERENGGANU.

No. Telefon  
Pejabat Am : 09-6099 266  
09-6099 267  
09-6099 277  
Faks : 09-6099 017  
Emel : pdsetiu@terengganu.gov.my

Ruj.Kami : PDS 1/3/68 JLD. 2 ( **∞** )  
Bertarikh : 26 Mei 2024

Dr. Nurul Aisyah binti Mohd Suhaimi,  
Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM),  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Besut,  
Jalan Tembila,  
**22200 BESUT, TERENGGANU**

Dr,

**JEMPUTAN SEBAGAI PEMBENTANG TEMA 2: PENGURUSAN KEWANGAN DAN DANA DAN FASILITATOR BENGKEL TANI LESTARI 2024 DI SETIU, TERENGGANU**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Daerah Setiu dengan kerjasama WWF-Malaysia akan menganjurkan Bengkel Tani Lestari 2024. Tujuan bengkel ini diadakan adalah sebagai platform untuk dialog terbuka dan perkongsian ilmu yang membolehkan pertukaran maklumat/pengetahuan dan pengalaman di kalangan pemegang taruh berkepentingan ke arah amalan pertanian lestari. Selain itu, sesi ini juga bertujuan untuk mengumpul input daripada pihak berkepentingan utama dan pengusaha mengenai jurang dalam pengetahuan dan pelaksanaan amalan pertanian lestari (MyGAP) di Malaysia di samping sebagai motivasi dalam pengurusan dana dan pengurusan lestari dalam kalangan peserta yang terlibat.

3. Berikut merupakan keterangan selanjutnya bagi pelaksanaan Bengkel Tani Lestari 2024 untuk rujukan Dr.:

**Tarikh : 6 Jun 2024 (Khamis)**  
**Masa : 8.30 pagi – 5.00 petang**  
**Lokasi : Dewan, Pulang Resort, Setiu, Terengganu**

4. Sehubungan dengan itu, pentadbiran ini ingin menjemput Dr. untuk turut serta dalam sesi ini sebagai pembentang (**Pembentangan 2**) dan fasilitator dalam agenda Ronda Kafe. Masa diperuntukkan untuk pembentangan adalah selama 40 minit dan 10 minit sesi soal jawab.

5. Bersama-sama surat ini, disertakan tentatif program (**Lampiran 1**) dan borang maklum balas kehadiran (**Lampiran 2**) untuk rujukan dan tindakan pihak Dr. Borang kehadiran tersebut hendaklah dikembalikan semula kepada pihak kami selewat-lewatnya pada **4 Jun 2024 (Selasa)**.



Pengiktirafan MS ISO 9001:2015

Beautiful Terengganu Malaysia

Apabila menjawab sila sebutkan surat kita

6. Untuk sebarang pertanyaan, pihak Dr. boleh menghubungi Pegawai WWF-Malaysia **Nur Syahirah binti Wahab** di talian **014-2761993** atau melalui emel **nsyahirah@wwf.org.my**. Segala pertimbangan dan kerjasama daripada pihak Dr. saya dahului dengan jutaan terima kasih.

Sekian.

**"TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA"**  
**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(YM RAJA FAISAL BIN RAJA HARON)**

Penolong Kanan Pegawai Daerah

b.p. Pegawai Daerah

Setiu

Sk. Pegawai Daerah Setiu - Untuk makluman tuan  
Fail timbul

**LAMPIRAN 1****TENTATIF BENGKEL TANI LESTARI 2024**

**Tarikh** : 6 Jun 2024 (Khamis)  
**Masa** : 8.30 pagi – 5.00 petang  
**Tempat** : Dewan, Pulang Resort, Setiu, Terengganu  
**Anjuran** : Pejabat Daerah Setiu dan WWF-Malaysia

| <b>MASA</b>     | <b>SESI</b>  | <b>AKTIVITI</b>  |
|-----------------|--|--|
| 8.30-9.00 pagi  |  | Pendaftaran peserta<br>Ketibaan perasmi dan agensi-agensi  |
| 9.00 pagi       | <b>Majlis Perasmian dan Ucaptama Bengkel Tani Lestari 2024</b> | Bacaan Doa<br>Kata Aluan WWF-Malaysia<br><br>Ucapan Perasmian Bengkel Tani Lestari 2024 oleh YB Dr Azman bin Ibrahim, Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri Terengganu |
| 9.40 pagi       |  | Ucaptama - Gedung Pengeluaran Makanan Terengganu<br>Oleh: Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Setiu   |
| 10.00 pagi      |  | Penyampaian Penghargaan kepada Perasmian, Ucaptama dan Pembentang  |
| 10.15 pagi      |  | Minum pagi   |
| 10.45 pagi      | Tema 1:<br>Pengurusan Tanah dan Pertanian Lestari              | Pembentangan 1<br><br>Aplikasi MyGAP Menambahbaik Mutu Pertanian<br>Oleh: Jabatan Pertanian Terengganu (Pejabat Pertanian Setiu)   |
| 11.25 pagi      |  | Q&A Tema 1   |
| 11.35 pagi      | Tema 2:<br>Pengurusan Kewangan dan Dana                        | Pembentangan 2<br><br>Pengurusan Sumber Kewangan dan Dana dalam Pertanian<br>Oleh: Prof Madya Dr. Nalini dan Dr. Aishah, Perniagaan Tani, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM), UniSZA                                |
| 12.15 tengahari |  | Q&A Tema 2   |
| 12.15 tengahari |  | Survei Amalan Pertanian Lestari  |
| 12.45 tengahari |  | Makan tengahari/solat/rehat  |
| 2.30 petang     | Tema 3:<br>Alam Sekitar  | Pembentangan 3<br><br>Pengurusan Alam Sekitar di Kawasan Tani<br>Oleh: Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu  |

|             |  |              |
|-------------|--|--------------|
| 3.10 petang |  | Q&A Tema 3   |
| 3.20 petang | Tema 4:<br>Sekuriti Makanan dan<br>Kemampunan<br>Ekonomi | Ronda Kafe   |
| 4.30 petang |  | Minum petang |
| 5.00 petang |  | Bersurai     |

**LAMPIRAN 2**

**BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN**

WWF-Malaysia  
Setiu Wetlands Field Office  
Lot 10575, Tanah Lot  
Kg Pagar Besi,  
21020 Kuala Nerus  
Terengganu  
(u.p :Nur Syahirah binti Wahab)

**BENGKEL TANI LESTARI 2024 DI SETIU, TERENGGANU**

Dengan ini dimaklumkan bahawa saya/wakil yang akan hadir sebagai pembentang dan fasilitator ke Bengkel Tani Lestari 2024 di Setiu, Terengganu. Maklumat adalah seperti berikut:

**Jabatan/Organisasi:** \_\_\_\_\_

| Nama | Jawatan | No. tel/Emel |
|------|---------|--------------|
|      |         |              |

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....  
*\*Sila serahkan borang pengesahan kehadiran ini ke emel [nsyahirah@wwf.org.my](mailto:nsyahirah@wwf.org.my) atau talian 014-2761993 selewat-lewatnya pada 4 Jun 2024 (Selasa)*